

ISHTIQAQ: KAJIAN TENTANG PEMBENTUKAN KATA ARAB

ADNAN BIN MAT ALI
adnan@kuis.edu.my

DR. HAJI MD. NOOR BIN HUSSIN
mdnoor@kuis.edu.my

DR. MUHAMMAD FIRDAUS BIN HAJI ABDUL MANAF
firdaus@kuis.edu.my

ABSTRAK

Bahasa Arab merupakan bahasa yang unik dan istimewa kerana ia mempunyai ciri-ciri yang tidak terdapat pada kebanyakan bahasa lain di dunia. Antara salah satu ciri tersebut ialah sistem derivasi (pecahan kalimah ataupun pembentukan kalimah). Dalam bahasa Arab ia dinamakan sebagai al-Ishtiqaq. Al-Ishtiqaq atau Derivasi amat penting dalam bahasa Arab kerana ia merupakan salah satu kaedah utama dalam penghasilan atau pembentukan kata bagi sesuatu kalimah Arab. Ramai di kalangan para ilmunan bahasa Arab silam dan juga moden yang telah mengarang buku mengenai Derivasi, antara mereka ialah al-Akhfasy, Ibn Durayd, al-Zajjaj, Ibn Khalawaih, Ibn Jinni, Muhammad al-Mubarak, Sai'd al-Afghaniy dan Muhammad Amin. Justeru, kertas kerja ini bertujuan mengkaji penelitian terhadap salah satu sistem pembentukan kata dalam kalimah bahasa Arab melalui sistem derivasi atau yang dikenali dalam bahasa Arab sebagai al-Ishtiqaq.

Kata Kunci: *Derivasi (al-Ishtiqaq), Pembentukan kata Kalimah Arab.*

1.0 Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan bahasa yang unik dan istimewa kerana ia mempunyai ciri-ciri yang tidak terdapat pada kebanyakan bahasa di dunia. Salah satu ciri tersebut ialah sistem derivasi (pecahan kalimah) atau dalam bahasa Arabnya الاشتقاق.

Derivasi amat penting dalam bahasa Arab kerana ia merupakan kaedah utama dalam penghasilan atau pembentukan kata. Oleh yang demikian, ramai para ilmunan bahasa Arab silam dan moden yang telah menghasilkan karya berkenaan derivasi, antara mereka seperti al-Akhfasy, Ibn Durayd, al-Zajjaj, Ibn Khalawaih, Ibn Jinni, Muhammad al-Mubarak, Sai'd al-Afghaniy dan Muhammad Amin.

2.0 Taarif Derivasi (Pecahan Kalimah)

Menurut para Nhuwan bahasa Arab sistem derivasi kata Arab (الاشتقاق) adalah suatu proses pembentukan kata baharu yang dikembangkan dari satu kata dasar dengan tujuan pengembangan maksud asal kepada maksud baharu yang berkaitan.¹

3.0 Perbezaan antara istilah al-Isytiqaq dan Tasrif

¹ Al-Sayuti, Al-Muzhir Fi 'Ulum al-Lughat (1/346).

Terdapat hipotesis yang membezakan antara kedua istilah ini dengan mengatakan bahawa Isytiqaq ialah proses pengembangan kata dari satu kata dasar dengan bersumberkan makna dan bahan yang sama. Sementara Tasrif pula adalah hanya proses penukaran pola kata ke atas satu kata dasar. Pola-pola kata dalam bahasa Arab (الأوزان الصرفية) boleh ditukar-tukar mengikut keperluan makna baru. Menurut Muhammad al-Mubarak: “Adakala salah satu dari kedua istilahitu menjadi cara untuk mengenali sama lain, kadang kala dengan mengenali bentuk pola kata akan menjelaskan asal sesuatu kata, contohnya apabila sesuatu pola imbuhan lebih ketara dari pola kata dasar, seperti perkataan "اضطرب" yang dibentuk pola kata imbuhan "افتعل". Huruf imbuhan pola ini ialah (ا) dan (ت). Jadual berikut boleh menjelaskan keadaan huruf imbuhan dan huruf asal berdasarkan ukuran pola kata "افتعل".

ل	ع	ت	ف	ا	افتعل
ب	ر	ط	ض	ا	اضطرب
ب	ر		ض		Kata dasar

Adakalanya pula dengan mengetahui huruf asal bagi sesuatu kata dasar akan menjelaskan bentuk pola imbuhan bagi sesuatu perkataan, sebagai contoh perkataan "المناعة" dan "الجماعة". Sekali imbas kedua-dua perkataan ini berasal dari satu pola, namun apabila dirujuk kepada kata dasar masing-masing seperti rajah berikut;

منع	ة	ع	ا	ن	م	مناعة
Kata dasar						
فعالة	ة	ل	ا	ع	ف	
Pola imbuhan						
جوع	ة	ع	ا	ج	م	جماعة
Kata dasar						
مفعلة	ة	ل	ع	ف	م	
Pola imbuhan						

Daripada jadual tersebut kita dapati kedua-dua kata dalam bentuk pola imbuhan yang berbeza. Oleh yang demikian terdapat hubungan kait mengait antara Isytiqaq dan Tasrif.²

4.0 Jenis-jenis Isytiqaq

Sehingga kurun ke empat hijrah definisi Isytiqaq masih seperti yang disebut di atas tadi, setelah itu Ibn Jinni pada akhir kurun ke empat ini telah menemui satu bentuk derivasi kata Arab melalui pertukaran posisi huruf dari satu kata dasar. Melalui pertukaran sebegini menurut beliau perkataan-perkataan baru masih mempunyai maksud yang tidak jauh dari maksud asal, malah antara perkataan-perkataan baru itu terdapat hubungan makna secara umum. Malah al-Hatimy telah melihat lebih jauh daripada Ibn Jinni dengan berpendapat bahawa proses pertukaran huruf (إبدال الحروف) juga boleh dikategorikan sebagai salah satu proses derivasi kata dalam bahasa Arab. Akhir sekali Abdullah Amin salah seorang tokoh nahuwan moden Arab turut menyumbang idea baharu ke dalam pembahagian jenis derivasi kata dengan hipotesis baharu beliau, iaitu unsure

² Muhammad al-Mubarak, Fiqh al-Lughah Wa Khasa'is al-Arabiyyah.

akronim yang telah sekian lama dipakai dalam bahasa Arab adalah sebahagian dari sistem derivasi kata Arab. Oleh yang demikian Isytiqaq atau sistem derivasi kata Arab mempunyai empat jenis iaitu;

- i. al-Isytiqaq al-Asghar atau al-Soghir.
- ii. al-Isytiqaq al-Kabir.
- iii. al-Isytiqaq al-Akbar.
- iv. al-Isytiqaq al-Kubbar.

4.1 al-Isytiqaq al-Asghar atau al-Soghir (الاشتقاق الأصغر / الصغير)

Merupakan sistem derivasi kata Arab yang paling popular dalam pembentukan kata bahasa Arab. Kebanyakan kajian ilmu Tasrif (kaedah pecahan kalimah) tradisional menamakan juga jenis ini dengan ilmu al-Sarf. Rata-rata pengajian bahasa Arab di seluruh dunia Islam akan memberi tekanan seimbang terhadap kajian ini dengan ilmu al-Nahw.

Kajian ini meletakkan beberapa syarat untuk huraian terhadap perkataan-perkataan yang dipilih. Syarat-syarat itu ialah;

- i. Perkataan itu mesti mempunyai kata asal bahasa Arab.
- ii. Perkataan baharu yang dibentuk haruslah mengandungi semua huruf kata asal.
- iii. iii. Perkataan baru yang dibentuk haruslah mengandungi makna yang berkaitan dengan kata asal. Samada dengan penambahan makna baharu seperti (كَتَبَ) → (كَاتِبَ) → (مَكْتُوبَ) dsb. Atau pengurangan, seperti menurut pandangan nahuwan aliran Kufah iaitu kata terbitan (مصدر) berasal dari kata kerja (الفعل) yang mengandungi makna perbuatan dan masa.

4.1.1 Kajian tentang Isytiqaq al-Asghar ini mempunyai beberapa objektif kebahasaan, antaranya;


- i. Pengembangan makna dalam bentuk kata baharu.
- ii. Menggali asal usul bagi setiap perkataan.
- iii. Mengetahui rahsi aperubahan kata dan makna.
- iv. Membezakan kata pinjaman (الدخيل) dengan kata asal Arab secara pengukuran pola dan cantuman bunyi kata asing.

4.2 al-Isytiqaq al-Kabir (الاشتقاق الكبير)

Jenis derivasi kata bahasa ini juga dinamakan dengan ‘Tukaran kebahasaan’ (القلب اللغوي). Kajian dalam jenis ini tertumpu kepada bentuk perkembangan kata boleh berlaku melalui pertukaran jenis suku kata yang terdiri dari huruf yang sama pada posisi yang berlainan. Sebagai contohnya perkataan (حمد) dan (حمدا). Mengikut definisi yang dibuat oleh Ibnu Jinni yang juga sebagai perintis kepada penemuan ini “Adapun Isytiqaq al-Kabir ini adalah secara mengguna suku kata asal yang biasanya terdiri dari tiga konsonan dan ditukarkan posisinya sehingga membentuk enam jenis perkataan, kita akan dapati dalam keenam-enam perkataan ini terdapat satu makna yang berkaitan antara dengan yang lain.”³

³ Ibnu Jinni, al-Khasa‘is (2/133).

Sebagai contoh kepada keterangan di atas lihat kepada pertukaran suku kata berikut



Ke enam-enam perkataan ini mengandungi makna yang berkaitan antara satu sama lain iaitu, kesungguhan dan perhimpunan (الشدة والاجتماع).

Manakala Ibn Faris pula menyatakan bahawa tidak semua perkataan tersebut itu berasal dari suka kata yang sama, barangkali ada suku kata lain yang perlu ditambah.⁴

Teori ini mendapat reaksi berbeza di kalangan ahli linguistik Arab sejak dahulu. Reaksi ini boleh dirumuskan dalam empat dimensi;

- i. Golongan penyokong, antaranya al-Zajjaj dengan yakin beliau menambah bahawa semua perkataan yang mempunyai suku kata yang sama sekiranya ada berlaku penambahan atau pengurangan suku kata antara perkataan tersebut maka bererti kedua perkataan itu berasal dari satu bentuk kata. Sebagai contohnya perkataan (الرحيل) dan (الرحل) .
- ii. Golongan penentang, antaranya al-Sayuti, beliau mengatakan bahawa teori ini bukanlah suatu yang muktamad. Alasan beliau huruf-huruf (suku kata yang boleh di tukar posisi) terbatas berbanding keperluan makna yang boleh berkembang tidak terhad.⁵
- iii. Golongan pertengahan, golongan ini berpendapat bahawa contoh-contoh yang dibawakan oleh Ibnu Jinni kadang-kadang keterlaluan untuk dijadikan ukuran atau formula kebahasaan. Namun golongan ini juga beranggapan bahawa kajian ini boleh memberi sumbangan dalam perkembangan kata baharu berdasarkan keperluan makna yang sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman.⁶
- iv. Ahli linguistic mutakhir, berpendapat bahawa kajian ini tidak boleh dikira sebagai proses derivasi kata, malah hanya merupakan satu fenomena bunyi yang boleh berpindah posisi tetapi bukan pembentukan kata baharu (الانتقال المكاني) .

Penemuan asal suku kata-suku kata bagi semua perkataan yang dikembangkan dengan kaedah ini masih menjadi tanda tanya. Namun begitu ada beberapa pakar linguistik dalam kajian ini menyatakan bahawa penentuan itu terpulang kepada kekerapan penggunaan. Perkataan yang kurang penggunaannya dikira kata pecahan.

⁴ Ibnu Faris, al-Sahibiy (203).

⁵ Al-Sayuti, al-Muzhir (1/347).

⁶ Subhi Soleh, Dirasat Fi Fiqh al-Lughah, (209).

4.3 al-Isytiqaq al-Akbar (الاشتقاق الأكبر)

Proses ini juga dikenali dengan nama ‘Ibdal Lughawiy’ (الإبدال اللغوي), iaitu secara penggantian suku kata dari jenis konsonan yang sama daerah artikulasi (مخارج الحروف) atau sama sifat ujaran.

Contohnya, (السراط = الصراط), (نعق = هق), (أزر = هز).

Terdapat pelbagai hipotesis terhadap kajian ini, ada yang menyatakan bahawa ia merangkumi semua jenis morfem kata, malah ada yang beranggapan tidak terkecuali apa jenis morfem kata akan berlaku proses penggantian ini walaupun tidak kerap. Ada pula yang meletakkan beberapa syarat sekiranya penggantian ini hendak dilaksanakan seperti;

- i. Morfem kata hendaklah mempunyai persamaan daerah artikulasi. Menurut Ibnu Sidah “Morfem kata yang berlainan daerah artikulasi tidak dikira sebagai Ibdal Lughawiy.⁷ Ibnu Jinni menyatakan bahawa morfem-morfem itu adalah ‘persaudaraan yang silih berganti’.
- ii. Perkataan-perkataan yang berlaku proses penggantian kebahasaan (الإبدال اللغوي) ini hendaklah dari satu kelompok demografi (قبيلة واحدة), kerana ketulenan lidah pengujarnya yang menentukan penggantian tersebut bukan rekaan asing.
- iii. Mempunyai unsur sinonim (ترادف) pada makna kedua perkataan berkenaan. Ternyata syarat ketiga ini tidak menganggap proses penggantian ini sebagai proses derivasi kata Arab, sebaliknya menganggap ianya hasil daripada perbezaan dialek penujarnya. Unsur sinonim adalah hasil dari perkembangan bunyi bahasa kerana beberapa faktor fonologi, seperti perbezaan dialek (اختلاف اللهجات) dan hakisan (التصحيف).

4.4 al-Isytiqaq al-Kubbar (الاشتقاق الكبير)

Kajian ini mendedahkan satu lagi proses derivasi kata dalam bahasa Arab secara kaedah Isytiqaq al-Kubbar atau Akronim. Kaedah ini dilakukan secara menyunting beberapa suku kata dari dua perkataan atau lebih untuk digabungkan sebagai kata baharu. Kata baharu ini akan mengandungi makna baharu hasil gabungan dua makna asal atau lebih.

Kaedah ini juga boleh membentuk pelbagai pergologan kata, iaitu samada membentuk kata nama seperti (بسم + الله = البسملة), kata sifat seperti (بر + ماء = برمائي), kata kerja seperti (الحمد + الله = حمدل), atau kata partikel (إن + ما = إنما).

Namun begitu terdapat beberapa hipotesis oleh pakar-pakar linguistik Arab tentang penerimaan kaedah Akronim ini sebagai salah satu cara pembentukan kata bahasa Arab, antaranya;

- i. Menerima kaedah ini sebagai salah satu unsur Isytiqaq. Kerana tujuannya adalah untuk pengembangan makna baharu dari beberapa kata sebagai kata dasar. Menurut Ibnu Faris kebanyakan kata bahasa Arab yang lebih dari tiga suku kata berlaku hasil daripada kaedah Akronim.⁸
- ii. Golongan yang menolak kaedah ini dengan hujah percanggahan cara antara konsep Isytiqaq iaitu pembentukan kata baharu dengan merujuk kepada hanya satu dasar, bukan secara suntingan kemudian gabungan suku kata dari beberapa kata dasar yang lebih bersifat keringkas sebutan (الإختصار).

⁷ Ibnu Sidah, Al-Mukhassas, (13/274).

⁸ Ibnu Faris, Al-Sahibiy (271).

- iii. Golongan yang menerima kaedah Akronim sebagai salah satu proses pembentukan kata Arab, walaupun pada dasarnya Akronim bukan Isytiqaq.

Penerimaan Akronim sebagai salah satu kaedah pembentukan kata Arab telah diperakukan oleh Dewan Bahasa Arab Kaherah Mesir dalam persidangan rasminya pada tahun 1948. Namun penerimaan ini bergantung kepada keperluan saintifik dan perkembangan ilmu semasa secara khusus dalam usaha penerapan istilah-istilah baharu dunia sains dan teknologi.

Penerimaan ini juga meletakkan beberapa syarat iaitu;

- i. Kata Akronim harus disunting dan digabungkan dari beberapa kata yang berlainan makna.
- ii. Kata Akronim harus disunting dan digabungkan dari beberapa kata yang berasal dari kata Arab sahaja dan bukan dari kata pinjaman (الدخيل).
- iii. Kata Akronim yang disunting dan digabungkan dari beberapa kata hendaklah dipadankan jumlah dan bentuk suku-katanya mengikut pola yang telah sedia ada dalam bahasa arab.

Terdapat empat jenis kata Akronim dalam bahasa Arab;

- i. Akronim kata namaan (النحت الاسمي), seperti (جلد + حمد).
- ii. Akronim kata relatif (النحت النسبي), seperti (عبد + شمس).
- iii. Akronim kata kerja (النحت الفعلي), seperti (بعث + أثر).
- iv. Akronim kata sifat (النحت الوصفي), seperti (ضبط + ضير).

Terdapat beberapa cara dalam pembentukan kata secara Akronim, iaitu;

- i. Gabungan beberapa kata dasar tanpa dilakukan apa-apa suntingan terhadap suku kata-suku kata, seperti (بر + ماء = برمائي).
- ii. Perubahan pada bunyi vocal sahaja tanpa dilakukan apa-apa suntingan terhadap suku kata-suku kata, seperti (شق + حطب = شقحطب).
- iii. Mengekalkan suku kata-suku kata salah satu kata dasar dan melakukan suntingan terhadap yang lain, seperti (مشمش + لوز = مشلوز).
- iv. Suntingan setara antara suku kata-suku kata dari dua kata dasar yang berlainan, seperti (عبد + شمس = عبشمي).
- v. Suntingan tidak setara antara suku kata-suku kata dari dua kata dasar yang berlainan, seperti (سيحان + الله = سححل).
- vi. Penghapusan semua suku-kata dari salah satu kata dasar, seperti (ب + ما + ذا = بم).

5.0 Kesimpulan

Derivasi merupakan satu sistem pembentukan kata yang amat penting dalam bahasa Arab. Ia bertujuan menghasilkan suatu proses pembentukan atau pecahan kalimah baharu. Kaedah penghasilan kalimah baharu ini merupakan salah satu ciri penting yang terdapat pada bahasa Arab yang membezakannya dengan bahasa-bahasa dunia yang lain. Sistem pembentukan kata ini juga menjadikan bahasa Arab satu bahasa yang mempunyai banyak perkataan. Oleh yang demikian bahasa Arab mampu menerangkan sesuatu perkara berkenaan kebahasaan secara jelas, tepat dan spesifik. Ibnu Jinni merupakan perintis terhadap sistem ini telah memainkan peranannya yang penting dalam bidang kajian pengembangan kalimah baharu. Walaupun begitu, teorinya yang mengatakan bahawa setiap perkataan yang terhasil daripada Tukaran Kebahasaan atau al-Qalbu al-Lughawiyy yang mempunyai perkaitan makna antara

satu dengan yang lain perlu diteliti kerana tidak semua perkataan tersebut mempunyai perkaitan makna.

6.0 Rujukan

- Ibnu Faris, Abu al-Husain Ahmad bin Faris bin Zakaria al-Raziy. 1997. *Al-Sahibiy Fi Fiqh al-Lughah al-Arabiyyah Wa Masaa'iluha Wa Sunan al-Arabi Fi Kalamiha*. Beirut: Dar Kutub al-Alamiyyah.
- Ibnu Jinni, Uthman. (1955). *Al-Khasaa'is*, jld 3. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Muhammad al-Mubarak. (1964). *Fiqh al-Lughah Wa Khasaa'is al-Arabiyyah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Sayutiy, Jalaluddin. (2014) . *al-Muzhir Fi Ulum al-Lughah Wa 'Anwa'iha*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Ibnu Sidah, Abu al-Hasan Ali bin Ismail al-Nahwiyy al-Andalusiy. *Al-Mukhassas*. Beirut: Dar Kutub al-Alamiyyah.
- Subhi Soleh. (2004) cet. 16. *Dirasat Fi Fiqh al-Lughah*. Beirut: Dar al-'Ilm Lil Malayiin.